

20/11/2000

Menjana ilmu daripada al-Quran, Injil

Maarop Md Noh

PENCIPTAAN bumi, langit, cakerawala dan segala isi alam memang luar biasa dan menarik. Ia melambangkan kesempurnaan dan keagungan Tuhan. Langit dicipta tanpa tiang sementara bumi seolah-olah terhampar dan memberi peluang seluruh kehidupan berjalan atau menetap di atasnya.

Ramai ahli sains dan ahli falsafah bekerja keras menyelami rahsia kejadian alam ini. Pelbagai pendapat dan kajian saintifik yang sukar difahami, terutama pembaca biasa, kini dibukukan untuk menjadi rujukan intelektual, khususnya pengkaji alam maya.

Bagi umat Islam, al-Quran menyediakan asas ilmu sains yang lengkap untuk dihayati. Lebih penting lagi ilmu sains dalam al-Quran tidak bercanggah dengan fakta sains moden.

Lebih menarik, di samping menggali dan melayari lautan ilmu al-Quran bersungguh-sungguh, Islam tidak melarang umatnya memantapkan ilmu pengetahuan daripada sumber lain. Malah, Rasulullah mengingatkan bahawa menuntut ilmu itu diwajibkan ke atas umat Islam walau ke negara China sekalipun (maksud hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Justeru, Islam membenarkan penganutnya belajar apa saja ilmu kemajuan asalkan ia tidak memudaratkan akidah dan diri seseorang. Di samping memurnikan akidah dan memantapkan keyakinan kepada Allah, usaha itu boleh meningkatkan taraf hidup ummah.

Konsep dan falsafah belajar terus dari buaian hingga ke liang lahad (maksud hadis), misalnya, meletakkan Islam sebagai agama ilmu. Perkara ini dibuktikan oleh ulama Islam terdahulu yang bukan saja pakar dalam bidang agama, malah menguasai bidang sains, terutama matematik, fizik, perubatan dan ilmu falak.

Umat Islam diajak memerhatikan perjalanan bulan, bintang, matahari, peredaran angin, laut, gunung ganang dan pelbagai yang ada dalam alam, sama ada untuk mengira bulan dan tahun atau untuk kemudahan perjalanan mahupun pelayaran. Begitu juga dalam bidang pentadbiran, ekonomi, politik, sosial, kependidikan, kebudayaan, perhubungan antarabangsa dan pelbagai lagi.

Justeru, dalam pencarian berterusan itu, di samping memartabat dan memanfaatkan ilmu daripada al-Quran, kita cuba menggali anugerah Tuhan itu daripada dua lagi kitab suci, iaitu Injil dan Taurat. Perkara ini dijalankan dengan tujuan perbandingan saja.

Kita yakin ilmu yang digarap daripada kitab suci tidak mencetuskan keadaan huru-hara sehingga memusnahkan kehidupan manusia dan dunia. Misalnya penciptaan bom atom dan nuklear tidak akan digunakan untuk membunuh seperti yang berlaku di Hiroshima dan Nagasaki di Jepun pada 1945.

Begitu juga kemajuan yang diasaskan daripada kitab suci, khususnya al-Quran, tidak akan menindas sesiapa pun. Pada waktu yang sama, manusia mendapat manfaat besar daripada segala kemajuan itu. Sekali gus sudah pasti tidak berlaku sebarang peperangan. Paling penting tidak ada perlumbaan senjata dan negara kuat menguasai negara lemah. Malah, konflik antara negara, antara benua dan etnik tidak mungkin berlaku.

Meminjam kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam bukunya, *A New Deal for Asia* (1997): "Tidak akan berlaku peperangan antara tamadun."

Perkara ini dapat dielakkan kerana manusia mempunyai garis panduan yang betul dalam semua urusan. Mereka tidak akan menggunakan akal dan fikiran

semata-mata. Sebaliknya, dengan merujuk kepada kitab suci, manusia menjadi pencipta keamanan abadi.

Begitu juga bidang ekonomi, politik, sosial, budaya yang digali daripada semua kitab suci tidak akan menghina atau menindas sesiapaupun. Ini kerana tidak sebuah pun kitab suci menggalakkan peperangan atau persengketaan, jauh sekali daripada menindas atau menganiaya. Semua kitab suci mengajak manusia mentaati Allah dan mentauhidkan-Nya.

Misalnya, mengenai alam, semua kitab suci menyebut, ia adalah wadah hamba mengabdikan diri kepada Tuhan. Justeru penciptaan bumi, dan langit, bulan, bintang, matahari, udara, cahaya dan gunung-ganang disebut dalam semua kitab suci dan ia disifatkan anugerah dan rahmat Allah kepada hamba-Nya.

Walaupun wujud perbezaan pendekatan, ia tidak begitu besar. Misalnya perbezaan al-Quran dan Injil ialah Injil tidak menerangkan pelbagai fenomena alam. Ia mengehendkan dirinya kepada periwayatan beberapa peristiwa lampau.

Sebagai contoh, malapetaka banjir besar pada zaman Nabi Nuh ., Injil menjelaskan mengenai banjir itu, termasuk tempat dan kawasannya. Menurut Injil, semua kaum Nabi Nuh binasa dalam kejadian dahsyat itu kecuali yang beriman. (Genesis 6:18, 7:7-9, dan 9:19). Al-Quran pula mencatatkan kejadian ini dalam Surah al-Israak, ayat 3 dan Surah al-Maryam, ayat 58. Tetapi al-Quran tidak menjelaskan secara terperinci.

Seperti biasa, al-Quran sebagai kitab Allah tidak memerlukan perincian dalam semua perkara. Ini kerana dalam mempraktikkan ajarannya, al-Quran tidak mahu menjadikan manusia sebagai robot yang hanya bergerak selepas diprogramkan. Manusia diperkukuh dengan akal dan fikiran. Menerusi kedua-dua anugerah besar Allah itu, manusia diwatikahkan kekhalifahan untuk memakmurkan alam (al-Quran, surah Shaad, ayat 36).

Mengenai banjir besar zaman Nabi Nuh, al-Quran, Taurat dan Injil termasuk loh-loh tinggalan arkeologi Babel (bukan Bible) yang lebih tua daripada kitab Injil mengesahkan banjir itu dan menyatakan ia berlaku di Iraq. Sungai Tigris dan Sungai Eufrat melimpah dengan banyaknya akibat hujan yang tidak berhenti.

Perbezaan pendapat berlaku mengenai tempat Nabi Nuh dan bahteranya mendarat. Al-Quran menyebut bahtera itu mendarat di Gunung Judi berhampiran Jazirah Ibn Umar di Kurdistan. Tetapi Injil menjelaskan bahtera itu terdampar di Gunung Ararat di Turki.

Bagaimanapun, perbezaan itu tidak menjejaskan fakta. Apabila dianalisis, kedua-dua tempat itu berhampiran. Misalnya Gunung Judi adalah banjaran Gunung Ararat. Perkara ini diakui oleh Braus, ketua agama Babylon pada 250 Sebelum Masihi. Beliau menulis kisah banjir besar Nabi Nuh dalam Khaldaeah. Periwayatan Braus itu disahkan oleh murid Aristotle, Abeydenus. (Lihat Fazlul Rahman dalam Encyclopedia Of Seerah, juga lihat Islamic Encyclopedia, London)

Kita catatkan kisah banjir Nabi Nuh ini kerana ingin membuktikan kejadian besar itu bukan cerita rekaan, malah ia diakui oleh semua umat manusia sejak zaman silam. Ia penting untuk memartabatkan ilmu dan wujudnya kesepakatan fakta antara semua kitab suci. Selain itu, kisah ini dapat mendidik manusia supaya tidak menderhakai Allah.

Seorang ilmuan Islam yang terkenal, Muhammad Abul al-'Ala al-Maududi, menyifatkan perselisihan catatan peristiwa dalam kitab suci tidak bererti kejadian itu satu rekaan. Malah, katanya seluruh bangsa besar di dunia mengakui kesahihan banjir itu. (Lihat The Meaning of The Quran, jil V hlm 85-86)

Begitu juga mengenai perpindahan kaum Yahudi ke Mesir. Walaupun wujud versi berlainan antara Injil dan al-Quran, kita boleh membuat andaian kemasukan Yahudi ke Mesir bersama Nabi Yaakob dan Nabi Yusof adalah pada

1880 Sebelum Masihi. Mereka dihalau keluar pada 1450 Masihi (Lihat Injil I Kings 6:1). Sekurang-kurangnya kita mengetahui kaum Yahudi adalah pelarian antarabangsa yang tidak pernah bernegara.

Satu lagi perbezaan yang kita temui dalam kedua-dua kitab itu ialah mengenai penciptaan manusia. Walaupun al-Quran dan Injil mengakui manusia dicipta daripada tanah, pendekatannya agak berbeza.

Al-Quran menjelaskan manusia dicipta daripada air (al-Ma, Surah al-Furqan, 54), daripada tanah (turab, Surah al-Haj 50), daripada pati tanah (sulalatin min Tiin, al-Anbiya 23), daripada tanah tin, tanah liat dan sebati (at-tiinil laazib, Surah as-Safat 11), daripada tanah panas dan busuk (hama-in masnun, al-Hijr 28), daripada tanah keras seperti tembikar (salsalin kal-fujjar, ar-Rahman, 14), dan daripada bumi (ardi, an-Najmi 32).

Semua proses terbabit adalah penciptaan manusia pertama, Nabi Adam a.s. Sementara penurunan zuriat selanjutnya, al-Quran secara terperinci menjelaskan 10 peringkat dan setiap satu membentuk pertumbuhan pembesaran sehingga manusia lahir ke dunia.

Zuriat manusia dicipta daripada janin dalam perut ibu (an-Najmi 32), dibajai pati air yang hina (as-Sajadah 9 dan al-Mukminun 9), kemudian proses penciptaan dijalankan secara berperingkat (Nuh, 14), diproses dalam tiga peringkat kegelapan (az-Zumar, 6) dan air benih atau nutfah (al-Mukminun 13).

Proses selanjutnya seperti berikut: Daripada air mani (al-Qiamah, 37), segumpal darah (alaqah), segumpal daging (mudghah), tulang ('izaama), daging pembungkus (lahma), ciptaan berbentuk manusia (khalqan akhara) dan penyempurnaan sepenuhnya (sawaituhu). (Surah al-Mukminun ayat 12-14).

Di dalam Injil, kita dapati ayat berbunyi: "Dan Tuhan berfirman, biarkan bumi mengeluarkan hidup-hidupan mengikut jenisnya. Tuhan menjadikan haiwan juga mengikut jenisnya dan semua benda mengikut jenis dan Tuhan melihat semuanya dalam keadaan elok.

"Kemudian Tuhan berfirman, biar Kami jadikan manusia mengikut rupa Kami, yang menyerupai Kami, dan biarkan manusia berkuasa ke atas ikan di laut dan ke atas burung di udara serta kepada lembu, begitu juga ke atas seluruh isi bumi.

"Maka Tuhan menciptakan manusia dalam imej-Nya, dan dalam imej-Nyalah Tuhan ciptakan manusia itu dan Dia menciptakan mereka lelaki dan perempuan. Tuhan pun merahmati mereka. Tuhan berfirman: Jadilah kamu orang yang berguna dan berkembang biaklah." (Genesis ayat 24 hingga 31)

Dalam Revised Standard Version of The Bible yang diterbitkan oleh W M Collins and Sons untuk The British and Foreign Bible Society (1952), ditemui ayat berbunyi: "Tuhan Yahveh menjadikan manusia daripada debu tanah dan meniupkan roh ke dalam lubang hidungnya, maka manusia pun menjadi benda yang hidup." (Genesis ayat 4 hingga 27)

Selain penciptaan manusia, penciptaan bumi dan langit dijelaskan seperti berikut: "Pada mulanya Tuhan menciptakan bumi dan langit. Bumi tidak mempunyai bentuk dan kosong, seluruh keadaan gelap gelita dan Roh Tuhan bergerak di atas permukaan air." (Genesis, bab 1, ayat 1 dan 2).

Begitu juga mengenai penciptaan cahaya, cakerawala, air, dan seluruh kehidupan boleh ditemui dalam Genesis bab pertama dan kedua mulai ayat 1 hingga 31. Dan proses penciptaan berjalan selama enam hari. Pada hari ketujuh (Sabbath) Tuhan berehat. Proses ini jelas mempunyai persamaan dengan al-Quran.

Misalnya, al-Quran menyebut Allah mencipta bumi dan langit dalam enam masa. Mafhum firman-Nya: "Sesungguhnya Tuhan kamu ialah Allah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa (hari), lalu Dia bersemayam di atas Arasy. Dia menggantikan malam menjadi siang dengan cepat, dan (diciptakannya pula) matahari, bulan dan bintang (masing-masing) tunduk

kepada perintah-Nya. Ingatlah mencipta dan memerintah hanyalah hak Allah. Maha Suci Allah, Tuhan semesta alam." (Surah al-A'araaf, 54 dan Surah Yunus ayat 3)

Dalam ayat lain, Allah berfirman mafhumnya: "Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam enam masa (hari), dan adalah Arasy-Nya itu di atas air, agar Dia menguji siapakah di antara kamu yang paling baik amalnya." (pangkal ayat 7 Surah Hud). Ayat mengenai penciptaan langit dan bumi juga dijelaskan dalam surah berikut: al-Furqaan, ayat 59, as-Sajdah ayat 4, Qaaf, ayat 38 dan al-Hadid ayat 4.

Pada zaman teknologi maklumat (IT) dan kemajuan sains angkasa lepas dan pelbagai lagi, pencarian dan pemertabatan ilmu tidak seharusnya berdasarkan fakta sains dan falsafah yang dibentuk daripada keraguan akal semata-mata. Ini kerana akal itu sendiri mempunyai batas-batas yang sukar ditentukan. Ilmu dan kejayaan yang tidak disepuh dan dibimbing wahyu akan membentuk tindak balas mengerikan. Manusia akan melampaui batas dan mungkin ada yang mencabar Tuhan!

Tetapi dengan menggunakan akal dan bersandar kepada kitab suci, khususnya al-Quran, manusia dapat mewajarkan kedudukannya sebagai hamba pemikul amanah Allah di bumi. Segala ilmu yang mereka miliki tidak akan digunakan untuk kegiatan pemusnahan.

Ahli sains, khususnya di negara membangun seperti Malaysia, harus memanfaatkan ilmu sains dan segala pengetahuan yang berselirat di dalam kitab suci, khususnya al-Quran. Ringkasnya, bagi mengelakkan penyalahgunaan kuasa ilmu, manusia perlu kembali kepada al-Quran dan semua kitab suci dari langit. Falsafah hamba bertuhan ialah yang baik datang daripada Allah, yang cacat daripada manusia. Wallahu wa'alam.

(END)